

## **GARIS PANDUAN MEMOHON POTONGAN DI BAWAH SEKSYEN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI MAKSUD PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN**

### **Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan kriteria dan prosedur permohonan potongan di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas sumbangan kepada projek-projek komuniti dan amal yang diluluskan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

### **Latar Belakang**

Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif di dalam memberi sumbangan kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan, **Kerajaan telah membenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun yang sama dengan perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada suatu projek komuniti atau projek amal yang berhubungkait dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, peningkatan pendapatan golongan miskin, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi, projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar atau projek penyenggaraan dan pemuliharaan bangunan warisan yang ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.**

### **Kriteria Projek Komuniti Atau Projek Amal Yang Layak**

Bagi tujuan Seksyen 34(6)(h), projek komuniti atau projek amal yang layak hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) **projek berhubung dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, peningkatan pendapatan golongan miskin, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi, projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar atau projek penyenggaraan dan pemuliharaan bangunan warisan yang ditetapkan oleh JWN di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005;**
- (ii) **projek memberi manfaat semata-mata kepada orang awam di Malaysia tanpa mempunyai kepentingan kepada penyumbang; dan**

- (iii) projek disumbangkan secara sukarela dan tidak disyaratkan oleh pihak berkuasa di bawah sesuatu peraturan. Misalnya kemudahan awam berupa taman permainan kanak-kanak di taman perumahan yang dibangunkan oleh pemaju diberi secara sukarela dan bukan yang disyaratkan oleh pihak berkuatkuasa.

### **Bentuk Sumbangan dan Perkhidmatan Yang Layak Mendapat Potongan**

- (i) Wang tunai;
- (ii) Peralatan baru contohnya komputer, mesin haemodialisis, peralatan pandang dengar;
- (iii) Pembiayaan contohnya pembiayaan membina jalan raya, jambatan, dewan orang ramai yang diluluskan oleh agensi berkaitan; dan
- (iv) Perkhidmatan termasuk kos bahan gunahabis seperti ubat, alat tulis dalam tempoh perkhidmatan yang programnya diluluskan oleh agensi kerajaan berkaitan.

Nilai peralatan, pembiayaan dan perkhidmatan perlu ditentukan oleh agensi Kerajaan yang berkenaan.

### **Pihak Yang Layak Memohon Potongan**

Syarikat dan bukan syarikat iaitu individu, perkongsian, badan amanah dan koperasi.

### **Pihak Yang Layak Disalurkan Sumbangan Dan Pengesahan Sumbangan**

#### **(a) Wang Tunai atau Peralatan atau Perkhidmatan**

- (i) Sumbangan hendaklah disalurkan melalui mana - mana **agensi Kerajaan berkaitan atau agensi bukan Kerajaan yang tidak bermotifkan keuntungan dan politik.**
- (ii) Penyumbang hendaklah mendapat **resit rasmi atau surat akuterima** serta nilainya daripada badan penerima berkenaan berserta dengan cop rasmi berdasarkan format seperti di **Lampiran I**. Sekiranya sumbangan disalurkan melalui agensi bukan Kerajaan,

resit rasmi atau surat akuterima hendaklah disahkan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan berserta dengan cop rasmi bagi menentusahkan nilai wang tunai/peralatan/perkhidmatan.

**(b) Pembiayaan**

- (i) Penyumbang hendaklah terlebih dahulu mendapat **kelulusan** daripada badan Kerajaan yang bertanggungjawab meluluskan projek (jika perlu) yang hendak dibiayai. Misalnya pembinaan dewan orang ramai memerlukan kelulusan Majlis Daerah atau Dewan Bandaraya.
- (ii) Penyumbang hendaklah mendapat **surat menentusahkan kos projek daripada Jabatan/agensi Kerajaan yang berkaitan yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan berserta dengan cop rasmi jabatan** berdasarkan format seperti di **Lampiran II**.

**Prosedur Am Memohon Kelulusan Menteri Kewangan**

Penyumbang hendaklah memohon kelulusan mendapat potongan daripada Menteri Kewangan secara bertulis dengan mengemukakan maklumat berdasarkan format di **Lampiran III**.

Permohonan yang lengkap dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Tingkat 6 & 7, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592, Putrajaya.

**Prosedur Menikmati Potongan Cukai Dari Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Tuntutan ke atas potongan bagi sumbangan kepada projek komuniti/amal yang telah diluluskan hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan. Dokumen berikut hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri:

- (i) surat kelulusan asal oleh Menteri Kewangan;

- (ii) resit rasmi atau surat akuterima sumbangan daripada badan penerima;
- (iii) surat pengesahan nilai perkhidmatan / nilai kos projek daripada agensi Kerajaan berkaitan.

Walau bagaimanapun, jika tuntutan potongan ini dibuat bagi tahun taksiran sebelum bermulanya sistem taksir sendiri, dokumen di atas hendaklah disertakan bersama Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran berkenaan untuk tujuan penentusahan.

### **Tarikh Kuatkuasa**

Mulai tahun taksiran 1997 kecuali bagi projek amal atau projek komuniti yang berhubungkait dengan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001.

Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan Malaysia

**LAMPIRAN I**

Kepala Surat Badan Penerima

No. Rujukan :

Tarikh:

Kepada :

YB Menteri Kewangan

**Surat Akuterima Sumbangan Wang Tunai / Peralatan / Perkhidmatan / Pembinaan  
Projek Komuniti/Amal**

Saya..... No. Kad Pengenalan .....  
berjawatan ..... mengaku telah menerima sumbangan wang tunai /  
peralatan baru / perkhidmatan / pembinaan projek (potong yang tidak berkenaan) daripada  
..... pada ..... bernilai RM .....  
Sumbangan ini adalah bagi projek .....  
yang telahpun diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bil .....  
..... bertarikh .....

2. Nama peralatan (jika peralatan) adalah seperti berikut:

(i) .....

(ii) .....

3. Saya mengesahkan bahawa projek tersebut telahpun siap sepenuhnya (jika perkhidmatan/pembiayaan projek).

Sekian.

(tanda tangan)

.....

Nama :

Cop badan penerima :

**LAMPIRAN II**

Kepala Surat Agensi Kerajaan

.....

No. Rujukan :

Tarikh:

Kepada :

YB Menteri Kewangan

**Pengesahan Nilai Kos Pembiayaan Dan Pembinaan Projek Komuniti/Amal**

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
berjawatan ..... mengesahkan bahawa nilai perkhidmatan /  
pembiayaan projek yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bil  
..... bertarikh..... adalah berjumlah  
RM.....

2. Saya juga mengesahkan bahawa projek tersebut telahpun siap  
sepenuhnya.

Sekian.

(tanda tangan)

.....

**Nama :**

**Cop Jabatan :**

**LAMPIRAN III**

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN POTONGAN CUKAI BAGI  
SUMBANGAN KEPADA PROJEK KOMUNITI/AMAL DI BAWAH SEKSYEN  
34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**Butir - butir Pemohon:**

- (i) Nama : .....
- (ii) Alamat : .....
- .....
- (iii) Telefon : .....
- (iv) No. Fax : .....

**Butir - Butir Sumbangan**

- (i) Bentuk sumbangan : (Tandakan / di mana berkenaan)
- |              |                          |
|--------------|--------------------------|
| Wang Tunai   | <input type="checkbox"/> |
| Peralatan    | <input type="checkbox"/> |
| Perkhidmatan | <input type="checkbox"/> |
| Pembiayaan   | <input type="checkbox"/> |
- (ii) Tarikh Sumbangan :  
.....
- (iii) Nama Agensi / Badan Penerima :  
.....
- (iv) Bidang Projek / Program :
- |   |                          |   |                          |
|---|--------------------------|---|--------------------------|
| Pendidikan  | <input type="checkbox"/> | Kesihatan   | <input type="checkbox"/> |
| Perumahan   | <input type="checkbox"/> | Peningkatan pendapatan golongan miskin  | <input type="checkbox"/> |
| Infrastruktur                                     | <input type="checkbox"/> | Teknologi maklumat & komunikasi   | <input type="checkbox"/> |
| Projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar | <input type="checkbox"/> | Projek penyenggaraan dan pemuliharaan bangunan warisan yang ditetapkan oleh JWN di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 | <input type="checkbox"/> |

(v) Keterangan Projek / Program:

.....  
.....  
.....

(vi) Agensi Kerajaan Berkaitan : (Tandakan / di mana berkenaan)

Kementerian Pendidikan Malaysia	<input type="checkbox"/>	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	<input type="checkbox"/>
Jabatan Pendidikan Negeri/Daerah	<input type="checkbox"/>	Majlis Daerah	<input type="checkbox"/>
Sekolah	<input type="checkbox"/>	MIMOS (bagi projek/program ICT bernilai melebihi RM50,000)	<input type="checkbox"/>
Kementerian Kesihatan	<input type="checkbox"/>	Jabatan Warisan Negara	<input type="checkbox"/>
Hospital Kerajaan	<input type="checkbox"/>	.....	<input type="checkbox"/>
Klinik Desa	<input type="checkbox"/>	.....	<input type="checkbox"/>

Sekiranya Sumbangan Dalam Bentuk Peralatan

**Butir-butir Peralatan**

- (i) Nama barang : (Misalnya komputer baru).....
- (ii) Bilangan : .....
- (iii) Model dan Buatan : .....
- (iv) Nilai Barang : RM.....

Sekiranya Sumbangan Dalam Bentuk Perkhidmatan

**Butir-butir Perkhidmatan :**

- (i) Nama / Keterangan Program :  
.....  
.....
- (ii) Jenis / nama perkhidmatan : .....  
.....
- (iii) Agensi Kerajaan Yang Meluluskan Projek : (Sertakan salinan surat kelulusan)  
.....
- (iv) Tempoh Perkhidmatan: .....
- (v) Nilai Perkhidmatan : RM .....

Sekiranya Sumbangan Dalam Bentuk Pembiayaan

**Butir-butir Pembiayaan :**

- (i) Nama / Keterangan Projek :  
.....  
.....
- (ii) Alamat Projek : .....  
.....
- (iii) Pihak Berkuatkuasa Yang Meluluskan Projek : (contohnya Majlis Daerah) (Sila sertakan surat kelulusan)  
.....
- (iv) Tarikh Projek Siap : .....
- (v) Nilai Projek : RM.....

**Perhatian** : Bagi projek/program ICT yang bernilai melebihi RM 50,000, permohonan dikemukakan kepada MIMOS yang akan membuat perakuan kepada Kementerian Kewangan.

**Akuan Pemohon**

Saya mengaku segala maklumat/dokumen yang diberi dalam borang ini adalah benar.

Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diberi adalah palsu, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik.

Tanda tangan Pemohon : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi Syarikat/Perniagaan :